



SEKOLAH MENENGAH AGAMA AL-MAHMUDI, MARAN, PAHANG

**KERTAS KERJA**

---

**MINGGU INFORMASI KERJAYA  
'MASA DEPANKU BERMULA DISINI'**

---

**TARIKH :**

24 JULAI HINGGA 26 JULAI 2017

**TEMPAT :**

DEWAN SMA AL-MAHMUDI, MARAN

**ANJURAN :**

UNIT BIMBINGAN DAN KAUNSELING  
DENGAN KERJASAMA UNIT KURIKULUM  
SEKOLAH MENENGAH AGAMA AL-MAHMUDI  
MARAN, PAHANG

## **1.0 PENDAHULUAN**

Berjaya dengan cemerlang dalam bidang akademik dan aktif dalam bidang kurikulum membuatkan pelajar terlepas pandang bahawa pendidikan kerjaya juga penting untuk membantu mereka mencapai kecemerlangan dalam kedua-dua bidang tersebut. Dengan adanya matlamat kerjaya yang jelas, ia membantu pelajar membuat pilihan mata pelajaran yang sesuai dalam peperiksaan SPM akan datang dan seterusnya berusaha untuk mencapai matlamat tersebut.

Berdasarkan prinsip SWOT, kekuatan yang ada pada sekolah untuk menganjurkan aktiviti kerjaya adalah terdapat banyak kolej swasta di sekitar kawasan sekolah ini dan merekamenjalin perhubungan yang baik dengan sekolah. Mereka juga telah meluangkan masa untuk memberikan ceramah dan input tentang halatuju selepas SPM kepada pelajar tingkatan 5. kelemahan pelajar-pelajar tingkatan 5 sekolah ini adalah mereka kurang terdedah dengan maklumat-maklumat kerjaya dan matlamat selepas SPM mereka masih kabur lagi. Sebenarnya peluang untuk lebih memahami cita-cita dan halatuju sendiri selepas SPM terbuka luas kepada pelajar jika mereka rajin bertanya dan berusaha mengumpulkan maklumat-maklumat kerjaya di sekeliling mereka. Tetapi ancaman yang pelajar-pelajar akan hadapi adalah terdapat banyak kolej swasta berskala kecil yang menawarkan program-program yang tidak diiktiraf oleh kerajaan dan Lembaga Akreditasi Negara ( LAN ). Jika pelajar tidak membuat kajian dan mengumpul maklumat yang tepat sebelum berdaftar untuk melanjutkan pelajaran, maka peluang tertipu adalah tinggi pada mereka.

Maka dengan menganjurkan Minggu Informasi Kerjaya ini, maklumat-maklumat tentang kerjaya dan melanjutkan pelajaran dapat disampaikan kepada semua pelajar tingkatan 5 agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi dunia luar kelak.

## **2.0 RASIONAL**

Menyampaikan maklumat kerjaya dan hal-hal untuk melanjutkan pelajaran kepada pelajar melalui aktiviti-aktiviti yang di rancangkan supaya mereka melengkapkan diri dengan pelbagai maklumat untuk menghadapi dunia luar yang lebih mencabar.

## **3.0 MATLAMAT**

Menghasilkan para pelajar yang lengkap dengan pelbagai ilmu pendidikan kerjaya dan jelas tentang matlamat hidup mereka serta berjaya dalam bidang kerjaya pilihan mereka pada masa akan datang.

## **4.0 TENTATIF PERLAKSANAAN**

Rujuk Lampiran

## 5.0 ANGGARAN PERBELANJAAN

| <b>BI<br/>L</b>           | <b>AKTIVITI / PERKARA</b>   | <b>KOS</b>   | <b>JUMLAH</b>                                  |
|---------------------------|---|--|--|
| 1.                        | Bayaran jemputan / Cenderahati  | RM 200 X 2   | RM 400.00                                      |
| 2.                        | Makanan (RM 10 X 10)  | RM 100.00  | RM 100.00                                      |
| 3.                        | Sijil Penghargaan dan peralatan   |  | RM 100.00                                      |
| <b>JUMLAH PIBG</b>        |   |  | <b>RM 600.00</b>                               |
| 4.                        | Foam paper and hard paper   |  | RM 50.00                                       |
| 5.                        | Hadiah pertandingan:<br>Kuiz<br>Poster Kerjaya<br>Kad Kreatif kerjaya<br>Slogan 'Lepas SPM nanti saya akan .....' | RM 15 X 15 Orang<br>RM 15 X 6 orang<br>RM 20 X 5 orang<br>RM 10 X 10 orang | RM225.00<br>RM 90.00<br>RM 100.00<br>RM 100.00 |
| 6.                        | Kit Mudah Alih Kerjaya  | RM 155 X 3   | RM 465.00                                      |
| <b>JUMLAH PCG UBK</b>     |   |  | <b>RM 1030.00</b>                              |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |   |  | <b>RM 1630.00</b>                              |

\*Sumber kewangan: PIBG dan UBK

## 5.1 ANGGARAN SEWA TAPAK PAMERAN

| <b>BI<br/>L</b>   | <b>AKTIVITI / PERKARA</b> | <b>KOS</b> | <b>JUMLAH</b> |
|---|---------------------------|------------|---------------|
| 1.  | 1 Pameran                 | RM 150 X 1 | RM 150.00     |
| <b>*Sumbangan akan dimasukkan ke tabung PIBG untuk kegunaan unit bimbingan dan kaunseling</b> |                           |            |               |

## 6.0 AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA

**Pengerusi** : Tn. Hj. Mohamad Majdan Bin Mahmud (Pengetua)

**Timbalan Pengerusi** : Tn. Hj. Sabaruddin bin Yunus (PK Pentadbiran)

**Naib Pengerusi** : 1. Pn. Hjh. Norbihah Binti Attan (PK HEM)

2. Pn. Nahariah binti Hassan (PK Kokurikulum)

**Penyelaras** : Pn. Emry Nazira binti Embong (GBK)

**Pen. Penyelaras** : Pn. Norida binti Tasna (S/U Kurikulum)

### AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA

Susunan dewan: En. Rafyzul bin Aziz (Guru Aset)

Kawalan Pelajar: Guru kelas/ guru subjek mengikut jadual waktu

## 7.0 PENUTUP

Program ini, diharapkan akan memberi motivasi dan pengetahuan berguna serta mewujudkan semangat baru kepada pelajar bagi menghadapi kehidupan sebagai seorang pelajar SMA AL-

MAHMUDI yang lebih berwawasan demi mencapai cita-cita dan impian. Selain itu, adalah diharapkan mereka akan lebih menumpukan kepada pelajaran dan peperiksaan yang akan dihadapinya memandangkan mereka telah diberi pendedahan berkaitan kerjaya dan peluang menyambung pelajaran.

Disediakan Oleh,

.....  
(Emy Nazira binti Embong)  
Guru Bimbingan dan Kaunseling  
SMA Al-Mahmudi

Disemak oleh,

.....  
(Tn. Hj. Sabaruddin bin Yunus)  
PK Pentadbiran  
SMA Al-Mahmudi

Disahkan oleh,

.....  
(Hj Mohamad Majdan Bin Mahmud)  
Pengetua  
SMA Al-Mahmudi

